



4 Mei 2021  
4 May 2021  
P.U. (A) 209

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2021

### *INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab” ertinya dana pelaburan mampan dan bertanggungjawab yang dinyatakan dalam Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab yang dikeluarkan atau disemak semula oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

“Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“syarikat” ertinya suatu syarikat pengurusan dana yang—

(a) bermastautin di Malaysia;

(b) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]; dan

(c) dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] atau berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai

suatu perbadanan pengurusan modal usaha niaga atau suatu perbadanan pengurusan ekuiti persendirian.

### **Pengecualian**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan suatu syarikat daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana bagi Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab di Malaysia.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini hendaklah tertakluk kepada syarikat mendapatkan perakuan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa syarat yang berikut telah dipenuhi iaitu syarikat—

(a) menyediakan perkhidmatan pengurusan dana bagi Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab di Malaysia;

(b) melakukan perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM250,000.00) di Malaysia; dan

(c) mempunyai sekurang-kurangnya—

(i) dalam hal syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, dua orang pekerja sepenuh masa di Malaysia yang salah seorang daripada pekerja itu memegang suatu Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; atau

(ii) dalam hal syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai suatu perbadanan

pengurusan modal usaha niaga atau suatu perbadanan pengurusan ekuiti persendirian, dua orang pekerja sepenuh masa di Malaysia yang salah seorang daripada pekerja itu adalah orang yang bertanggungjawab yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

(3) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

### **Akaun berasingan**

4. Syarikat itu hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran dan pendapatan itu hendaklah dikira sebagai suatu sumber perniagaan yang berasingan dan berlainan bagi syarikat itu.

### **Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta**

5. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1).

### **Ketidakpakaian**

6. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

(a) syarikat itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah seksyen 60G Akta; atau

(b) syarikat itu telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta.